



# Rasuah atas nama hadiah binasakan rakyat & Negara

**M**emberi dan menerima hadiah sudah menjadi kelaziman kepada manusia sejak turun-temurun kerana ia adalah perantaraan untuk mengeratkan perhubungan sesama mereka. Hadiah boleh mendorong manusia untuk berkash-sayang dan mencapai sesuatu matlamat yang baik sekiranya pemberian itu dengan niat yang ikhlas. Manakala, hadiah yang berselindung di sebalik niat buruk untuk mencapai tujuan yang tidak dihalalkan oleh Allah SWT, maka ia adalah rasuah yang memudaratkan pemberi rasuah dan masyarakat.

Benarkah kenyataan ini? Ikuti pandangan daripada


**Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin** mengenai isu hadiah dan rasuah ini. Pandangan ini kami tampilkan dalam bentuk soal jawab dan ia boleh didapati di dalam blognya 'Minda Tajdid'. Ikuti transkrip yang telah disediakan.

**Soalan: Saya berniaga tender kerajaan dan ingin memohon penjelasan Dr. Apakah perbezaan di**

**antara rasuah dan hadiah? Kadang kala syarikat saya menghadaikan sesuatu kepada pegawai yg terbabit sebagai tanda terima kasih walaupun hadiah itu tidak diminta oleh pegawai berkenaan. Adakah ini rasuah atau hadiah? Bagaimana pula jika memberi hamper sempena hari raya? Saya rasa macam kadang kala kita menyembunyikan rasuah dengan perkataan pemberian ikhlas. Harap Dr tolong huraikan?**

**Jawapan:** Sikap saudara yang berhati-hati tentang urusan rezeki atau sumber pendapatan dalam kehidupan ini amatlah dipuji. Ini satu tanda adanya nilai kesolehan dalam jiwa. Malang sekali pada zaman kini, ramai yang kurang peduli soal halal dan haram hasil pendapatan yang diperolehnya. Soalan





saudara asasnya mengenai perbezaan antara hadiah dan rasuah. Persoalan ini dibincangkan oleh para ulama sejak dahulu kerana bab ini sering disalahgunakan. Ramai yang mengambil kesempatan dengan permainan istilah yang seperti ini. Ada yang cuma menghalalkan rasuah dengan diberi nama hadiah. Saya jawab berdasarkan nuktah-nuktah berikut:

1. Adanya perbezaan antara rasuah dan hadiah. Rasuah adalah pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperoleh sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi hak pihak lain. Dalam *Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwitiiyyah* ditakrifkan

"Apa yang diberikan dengan tujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan". (lihat:, 22/220)

Adapun hadiah adalah pemberian atas sebab suka atau sayang tanpa sebarang tuntutan atau ganjaran balas yang disyaratkan. Al-Imam al-Mawardi merumuskan "rasuah apa yang diberikan kerana menuntun sesuatu, hadiah pula apa yang disumbangkan tanpa sebarang balasan". Artinya, pemberi rasuah mengharapkan sesuatu balasan yang dia tidak dapat memperolehnya tanpa sogokan tersebut. Dengan pemberian tersebut menyebabkan ada pihak lain yang dizalimi haknya; sama ada dihilangkan, atau dikurang, atau dilambatkan atau akan ada pihak yang dikenakan suatu tindakan yang tidak adil. Maka, rasuah

merupakan pemberian bersyarat, sementara hadiah bukan pemberian bersyarat dan tidak menyebabkan kezaliman kepada pihak lain. Rasuah dikeji oleh Islam, sementara hadiah digalakkan.

2. Berdasarkan kepada penjelasan di atas, maka orang yang paling dapat mengesan sesuatu pemberian itu rasuah atau hadiah ialah pemberi itu sendiri. Hanya dia yang tahu bagi setiap pemberian yang dihulurkan. Adakah dia mengharapkan sesuatu pada masa tersebut, atau pada masa hadapan daripada pihak yang diberikan, sedangkan apa yang harapkan itu dia tidak layak memperolehnya sedemikian rupa?

Selepas itu, pihak yang mengambil juga amat mengetahui bahawa pemberian itu memberikan kesan kepada urusannya atau tidak. Adakah pemberian tersebut akan menyebabkan dia terasa untuk akan membalas 'budi' pihak berkenaan dengan memberikan kepadanya apa yang bukan haknya, atau menzalimi hak orang lain?

Sabda Nabi s.a.w:  
*"Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat"* (Riwayat al-Bukhari).  
 Juga sabda Nabi s.a.w:  
*"Kebaikan itu apa yang menenangkan jiwa, sementara kejahatan itu keraguan dalam jantung hati, teragak-agak di dada sekalipun manusia memberi fatwa kepadamu (ianya baik)"* (Riwayat Ahmad dan al-Darimi dengan sanad yang hasan).  
 Artinya, sekalipun jika ada yang

berfatwa untuk menghalalkan yang salah, namun jiwa mukmin yang ikhlas akan tetap teragak-agak dan ragu mengenainya. Justeru, jika pemberi dan penerima mempunyai perasaan takutkan azab Allah, mereka sendiri dapat memutuskan apakah nilai pemberian yang diberi atau diterima tersebut.

3. Artinya, jika pemberian itu atas dasar persahabatan yang tiada kaitan sama sekali dengan jawatan dan kedudukan yang dipegang, maka itu adalah hadiah. Jika ia diberikan kerana jawatan dan kedudukan yang boleh memutuskan sesuatu hak, maka itu adalah rasuah. Perkara ini pernah diingatkan oleh Nabi s.a.w mengenai pegawai atau petugas kerajaan yang mengambil hadiah yang kononnya diberikan kepada mereka. Sabda Nabi s.a.w:

*"Apa jadi dengan pegawai yang kita utuskan, kemudian pulang dan berkata: 'Ini bahagian kamu, ini bahagian aku. Silakan dia duduk di rumah ayah dan ibunya, lalu tunggu adakah akan diberikan hadiah kepadanya atau tidak? Demi Allah, dia (pegawai berkenaan) tidak mengambil sesuatu melainkan pada Hari Kiamat nanti dia akan menanggung pemberian itu atas tanggongnya."* (Riwayat al-Bukhari).

Maka, seseorang penguasa atau pegawai atau petugas hendaklah merenung dirinya, pemberian yang diberikan kepadanya itu mempunyai kaitan dengan jawatan yang dipegangnya atau tidak. Jika ada kaitan yang akan mempengaruhi tindakannya atau akan mengganggu keadilan atau amanahnya, maka itu adalah rasuah. Kesannya itu sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Jika pemberian itu atas dasar sahabat dan kenalan, ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa, dan tiada ruang untuk penyalahgunaan kuasa maka ia dinamakan hadiah. Ini seperti kita memberikan hadiah kepada sahabat kita sekalipun dia seorang pegawai besar dalam sesuatu urusan. Namun pemberian itu bukan kerana atau untuk *"dengan niat"* (Riwayat al-Bukhari).

4. Rasuah boleh muncul dalam berbagai bentuk; sama ada harta atau manfaat tertentu yang diberi atau dijanjikan. Juga dengan rasuah hak pihak lain itu boleh dicemari atau dizalimi dalam pelbagai cara. Ini seperti pemberian itu akan menyebabkan disegerakan urusan kita, sehingga

**Ya, hadiah yang jujur kepada sahabat atau bakal pasangan hidup akan menimbul kenangan dan ingatan. Kasih-sayang tanpa kepentingan itu amat tinggi nilainya dalam kehidupan insan. Hadiah satu jalan mengeratkan hubungan antara kita atas kejujuran dan keikhlasan jiwa.**



menyebabkan terlewatnya urusan pihak lain. Atau jika dalam bentuk persaingan tender seperti zaman sekarang, pemberian rasuah boleh menafikan hak pihak lain untuk dinilai, atau menghapuskan persaingan yang adil antara pihak-pihak yang terlibat. Rasuah juga boleh menzalimi majikan seperti pegawai mengabaikan kualiti kerja disebabkan habuan yang disuap. Juga rasuah juga boleh menyebabkan ada pihak yang akan dihukum secara tidak adil.

Firman Allah: (maksudnya) *"dan janganlah kamu makan (mengambil) harta antara kamu dengan cara yang batil, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan cara dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)"* (Surah al-Baqarah, ayat 188)

5. Rasuah atas nama hadiah boleh merosakkan rakyat dan negara. Lihat sahaja negara seperti Mesir yang setiap kerja yang sepatutnya berjalan dengan baik terbelengkal kerana setiap urusan akan menuntun wang sugu hati atau tip. Bermula dari pemandu bas di Airport Kaheran sehingga ke pihak-pihak yang lebih atas. Apabila keadaan ini berlaku orang miskin susah hendak berurusan kerana mereka tidak mampu memberikan 'hadiah' kepada pegawai-pegawai yang bertugas. Kualiti kerja menjadi rosak. Perasaan tanggungjawab terhadap tugas diukur dengan hadiah yang pernah diberikan atau yang akan diberikan. Maka rasuah merangkumi kesalahan berbohong dan khianat.

6. Adapun pemberian untuk mengelakkan kezaliman seperti

memberikan suapan kepada sesuatu pihak bagi melepaskan diri daripada kezaliman atau memperoleh hak yang sepatutnya. Ini seperti merasuah petugas kepada penguasa yang zalim demi melepas sesuatu kezaliman kepada diri sendiri atau pihak tertentu, atau mengembalikan sesuatu hak yang diambil dengan cara yang zalim, maka Dr. Al-Qaradawi berpendapat bahawa jika keadaan seperti itu berlaku, seseorang hendaklah berusaha dengan cara yang tidak merasuah sesiapa. Namun jika tiada jalan dan terpaksa, maka dosa tersebut ditanggung oleh pihak yang mengambilnya, tidak atas pihak yang memberikan suapan tersebut (lihat: *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, m.s 300, Beirut: al-Maktab al-Islami).

7. Perbuatan rasuah adalah dosa yang besar. Sabda Nabi s.a.w:  
*"Allah melaknat pemberi rasuah dan penerimaanya"* (Riwayat al-Tirmizi dan

Ibn Majah, dinilai sahih oleh al-Albani).  
 Apa tidaknya, rasuah boleh meruntuhkan keseluruhan sistem keadilan dalam sesebuah masyarakat. Kata Saidina Ali bin Abi Talib:

"Sesungguhnya binasanya manusia terdahulu kerana mereka menghalang kebenaran sehingga ianya dibeli. Mereka membentangkan kezaliman sehingga ianya ditebus". (Ibn Muflih, Al-Adab al-Syar'iyyah, 1/201. Beirut: Muassasah al-Risalah).

8. Hadiah yang ikhlas adalah digalakkan oleh Islam. Sabda Nabi s.a.w:  
*"Berilah hadiah nanti kamu akan sayang menyayangi"* (Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad).

Ya, hadiah yang jujur kepada sahabat atau bakal pasangan hidup akan menimbul kenangan dan ingatan. Kasih-sayang tanpa kepentingan itu amat tinggi nilainya dalam kehidupan insan.

Hadiah satu jalan mengeratkan hubungan antara kita atas kejujuran dan keikhlasan jiwa.

**JENAYAH RASUAH**

"Mengapa kau beri dan ambil rasuah?"  
 "Jika tak beri rasuah, masakan syarikat aku boleh hidup?" Itu alasan aqal pendek dan 'selfish' seorang usahawan. Tidak dilihatnya jenayah rasuahnya itu secara 'big picture' yang sebenarnya akan terkena kesan buruk kepada perniagaannya sendiri, melalui pelbagai cara.  
 Jangan lupa bahawa sebuah masyarakat perniagaan yang korup menjauhkan perkembangan skill, mengundang pekerja lemah & korup juga, serta menjauhkan pelanggan. Ya, jangka pendek mungkin boleh mendabik dada, namun tunggu kesan buruknya kelak. Kalau tidak di sini, menunggu di barzakh. - **Dr. Zahrudin**

**NOTA!**  
 Orang yang paling dapat mengesan sesuatu pemberian itu rasuah atau hadiah ialah pemberi itu sendiri